

| | |
|-----------|-------------------|
| Newspaper | BERITA HARIAN |
| Date | 20 SEPTEMBER 2016 |

Dr M sukar cuba jatuhkan Najib

BH - 20/9/2016

→ The Economist
gambarkan
bekas PM
terdesak minta
bantuan Anwar

Oleh **Hazwan Faisal
Mohamad**
hazwanfaisal@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kempen Tun Dr Mahathir Mohamad untuk menjatuhkan Datuk Seri Najib Razak sebagai Perdana Menteri dianggap sukar, demikian mengikut majalah antarabangsa *The Economist*.

Majalah mingguan itu menggambarkan bekas Perdana Menteri itu sebagai terdesak apabila sanggup meminta bantuan daripada bekas timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dipecat pada tahun 1998.

Majalah itu dalam satu artikel bertajuk *Can Leopard Change Its Spots* yang disiarkan Sabtu lalu, menyebut kesukaran parti baharu yang dipimpin Dr Mahathir iaitu Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) untuk menjatuhkan Najib.

Ia berikutan PPBM kini perlu berbaik-baik dengan parti pembangkang bagi membolehkan peluang untuk parti itu menumbangkan kerajaan sedia ada dalam pilihan raya umum akan datang.

Bimbang pendirian Dr M

Menurut majalah berkenaan, di pihak pembangkang pula, satu kebimbangan besar mereka ialah sejauh mana pendirian Dr Mahathir untuk bersama dengan mereka akan bertahan.

Katanya, tiada siapa yang meragui betapa lantanganya bekas Perdana Menteri itu mengkritik dan mahu menjatuhkan Najib, tetapi masih tidak pasti sama ada adakah beliau dan partinya itu akan berhenti selepas berjaya menumbangkan UMNO.

“Ia berikutan, berdasarkan sejarah lalu, individu yang pernah keluar UMNO tidak lama kemudian akan kembali menyertai parti itu.



Tiada siapa yang meragui betapa lantanganya bekas Perdana Menteri itu mengkritik dan mahu menjatuhkan Najib, tetapi masih tidak pasti sama ada adakah beliau dan partinya itu akan berhenti selepas berjaya menumbangkan UMNO”

The Economist

“Pihak kerajaan pula mendakwa matlamat sebenar Dr Mahathir ialah mahu menjadikan anaknya, Datuk Seri Mukhriz Mahathir sebagai Perdana Menteri baharu, namun dinafikan beliau,” kata majalah itu.

Dakwa UMNO dirosakkan

Menurut majalah itu, Dr Mahathir mengakui beliau pernah terfikir bahawa satu cara untuk mengembalikan UMNO ke landasan perjuangan yang asal ialah dengan menggantikan Najib.

Bagaimanapun, katanya, Dr Mahathir mendakwa UMNO sudah dirosakkan oleh Najib dan hanya berfungsi untuk menyokong beliau.

“Bekas Perdana Menteri itu turut berkata tidak mungkin PPBM akan bekerjasama dengan UMNO walaupun di bawah kepemimpinan baharu kerana masa untuk parti berkenaan sudah berakhir,” kata majalah itu.